



SIARAN AKHBAR PRESS STATEMENT

S.A. 2019/01/10 (HQ)

MEMPERTAHAN TRADISI MELUANGKAN MASA BERSAMA KELUARGA PADA TAHUN BARU CINA

Tenaga Nasional Berhad (TNB) hari ini melancarkan iklan televisyen Tahun Baru Cina 2019 yang menampilkan pertembungan antara dua generasi dalam tema kekeluargaan. Ia menyuntik perasaan kasih sayang dalam suasana komedi yang membabitkan golongan berumur dan muda millennial.

Filem pendek bertajuk "the ONG-est hours" mengisahkan empat bersaudara berasa bosan tanpa aktiviti selepas 'makan besar' bersama keluarga pada malam Tahun Baru Cina, lantas mencari helah untuk keluar rumah.

Situasi memuncak apabila generasi lebih berumur termasuk nenek dan bapa saudara pula turut licik dengan pelbagai taktik menghalang golongan muda daripada beredar, sebaliknya menghabiskan masa lebih lama bersama keluarga di dalam rumah.

Pelbagai helah di antara dua generasi telah melahirkan suasana lucu yang menghiburkan tetapi sarat mesej dan peringatan kepada golongan muda, bahawa kebahagiaan bukan sekadar memiliki kekayaan dan kejayaan.

Akhirnya, empat bersaudara menyedari bahawa mereka sebenarnya seronok mendampingi keluarga dan kebahagiaan dikecapi dengan adanya keluarga disisi dengan setiap saat dihabiskan bersama.

"Kami berharap Iklan "The ONG-est Hours" ini dapat mendorong para penonton untuk menghayati kepentingan untuk mengeratkan hubungan kekeluargaan yang ingin disampaikan," kata Ketua Pegawai Korporat TNB, Datuk Wira Roslan Ab Rahman.

"Iklan turut diharap dapat mengingatkan golongan muda agar tidak melupakan institusi kekeluargaan dalam mengejar kejayaan dalam kehidupan," katanya lagi.

S.A. 2019/01/10 (HQ)

Ini kerana kebanyakan keluarga memberi tumpuan kepada acara makan besar itu sendiri, sehingga mengabaikan tradisi penting selepas jamuan, iaitu semua ahli keluarga menghabiskan masa bersama untuk sama-sama menyambut kemunculan tahun baru pada tengah malamnya.

Iklan ini mula disiarkan di saluran televisyen bermula 2 Februari 2019. Filem pendek secara penuh akan disiarkan di [youtube.com/TENAGAofficial](https://www.youtube.com/TENAGAofficial) #TheONGestHours.

TNB juga ingin menghargai mereka yang meluangkan masa bersama keluarga pada Tahun Baru Cina ini dengan mempelawa orang ramai melayari www.ongtime.my dan melengkapkan tugas untuk mengumpul mata. Individu yang meraih 20 mata tertinggi akan memenangi patung Jero yang menjadi watak kucing kesukaan ramai dalam filem TNB sebelum ini.

Dikeluarkan di Kuala Lumpur pada 28 Januari 2019, jam 3.00 petang

*Untuk pertanyaan lanjut media, sila hubungi Norfadzilah Sha'ary di talian 019-3369681 /
Fazreen Eksan di talian 019-3160401 atau e-mel ke media@tnb.com.my*